

09 MAY 2002

MCMC-HARI TERBUKA/I

MCMC ANJUR HARI TERBUKA DI PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menganjurkan hari terbuka di semua pejabat wilayahnya bersempena dengan Hari Telekomunikasi Sedunia (WTD) 2002.

Hari terbuka selama tiga hari itu bermula pada 15 Mei di pejabat Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang, Kuantan dan Johor Baharu.

Antara acara yang akan diadakan pada hari terbuka tersebut adalah pameran mengenai peranan dan tanggungjawab MCMC, dan pendidikan mengenai hak pengguna dalam industri komunikasi dan multimedia, kata suruhanjaya itu dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia 2002 itu pada 17 Mei.

Sambutan WTD pada tahun ini bertemakan: "ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) untuk Semua: Laluan untuk Menyeberangi Jurang Digital."

Malaysia telah mengguna pakai temanya sendiri "Merapatkan Jurang Digital Menerusi Pemusatan" bagi mencerminkan inisiatif yang sedang diusahakan oleh kerajaan sekarang, kata MCMC. -- BERNAMA

AFY FR ZK